

Mahfuz: Otak orang kampung lebih baik daripada otak Mukhriz
Malaysian Insider
April 1, 2013
Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 1 April — Datuk Mahfuz Omar mengkritik Datuk Mukhriz Mahathir sebagai seorang yang tidak memahami ekonomi apabila berjanji dengan mengatakan berbilion ringgit akan dibawa masuk jika Barisan Nasional (BN) memerintah semula negeri Kedah.

Dalam sidang media di ibu pejabat PAS disini, naib presiden PAS itu berkata negeri Kedah antara negeri yang paling banyak menarik pelabur berbanding negeri lain dan sepanjang pemerintahan kerajaan PAS berbilion pelaburan masuk dan ribuan peluang pekerjaan disediakan.

“Otak orang kampung pun lebih baik daripada otak Mukhriz ini.

“Saya rasa orang kampung di Lana Bulu dan Ceruk Ketiak pun lagi pandai daripada Mukhriz ini,” kata Mahfuz, merujuk kepada penduduk pendalaman di Jerlun, kawasan Parlimen Mukhriz.

Menurut Mahfuz lagi, pelaburan di Kedah sejak kerajaan PAS memerintah pada 2008 sentiasa mencecah berbilion ringgit malahan pada tahun 2011 sahaja pelaburan yang dicatat mencecah RM6.14 bilion dan muncul negeri kelima terbaik seluruh Malaysia.

“Pada tahun 2011 negeri Kedah berada di kalangan lima terbaik seluruh Malaysia sebanyak RM6.14 billion dan menyediakan 8,064 peluang pekerjaan.

“Adakah ini kerajaan PAS tidak bijak memerintah negeri Kedah sejak 2008?” kata Mahfuz.

Pada tahun 2008 penggal pertama kerajaan PAS negeri Kedah memerintah sebanyak RM2.58 bilion pelaburan dicatatkan, diikuti tahun 2009 sebanyak RM1.5 bilion dan 2012 pula RM0.59 bilion.

Baru-baru ini Mukhriz yang juga merupakan timbalan pengerusi badan perhubungan Umno negeri Kedah berkata agenda utama jika Barisan Nasional merampas kembali negeri utara tanah air tersebut ialah pembangunan dan juga pelaburan.

Beliau juga berkata tidak mahu melihat ramai anak Kedah terpaksa berhijrah ke negeri lain semata-mata kerana mencari rezeki.

Disamping itu, Mukhriz berkata pelabur asing berkenaan masih tidak yakin untuk melabur kerana tidak pasti sama ada pakatan pembangkang akan meneruskan dasar-dasar BN sekiranya mereka memenangi pilihan raya.

Pilihan raya umum (PRU) ke 13 dijangka akan diadakan tidak lama lagi dan bila-bila masa dari sekarang, dengan DUN Negeri Sembilan sudah terubur secara automatik Rabu lepas.

Dalam Pilihan Raya 2008, gabungan PKR, PAS dan DAP berjaya menafikan majoriti tradisi dua pertiga BN di parlimen dan menang di negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan.

Perak walaubagaimanapun, kembali semula ketangan BN selepas tiga ADUN PR berpaling

tadah.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mahfuz-otak-orang-kampung-lebih-baik-daripada-otak-mukhriz/>